


Apakah yang bermain dalam fikiran belia apabila diminta membayangkan tentang kecanggihan kota Singapura dalam masa 50 tahun akan datang? Sebagai sebahagian daripada ulang tahun ke-50 firma audit Deloitte Singapore, satu peraduan lukisan digital telah diadakan. **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg) melaporkan tentang idea canggih yang dijana dalam karya seni digital belia berikut.

Autisme bukan hambatan belia kejar cita-cita dalam lakaran ilustrasi



BAYANGKAN KOTA MENGHIJAU: Encik Muhammad Noh Arjuna bersandarkan minat menebar imaginasi bagi menghasilkan lukisan digital yang dipesan firma audit, perunding cara dan penasihat khidmat cukai, Deloitte Singapore. – Foto-foto BH oleh ARIFFIN JAMAR

ANIMASI yang tersiar di saluran kabel kanak-kanak, Cartoon Network dan Nickelodeon, sentiasa membuatkan Encik Muhammad Noh Arjuna kagum dengan warna-warni dunia kartun.

Memandangkan beliau tidak memiliki banyak mainan sewaktu kecil, masanya terisi dengan menebar imaginasi sambil melukis watak kartun yang digemari.

Encik Muhammad Noh, kini 25 tahun, malah tidak membiarkan masalah autisme yang dihadapi sebagai penghalang menjana ilham kreatif yang dicerna selepas menonton program seperti *Art Attack* dan dokumentari tentang di balik tabir studio animasi Disney.

Beliau kini seorang pelakar ilustrasi dengan kelulusan Diploma Reka Bentuk Media Digital (Animasi) daripada Politeknik Nanyang (NYP).

Sebelumnya, beliau merupakan antara pelajar cemerlang Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Central yang tersenarai dalam Senarai Pengarah ITE.

Baru-baru ini, Encik Muhammad Noh, yang mewakili pertubuhan tidak mengaup keuntungan Very Special Arts (VSA) – yang menyediakan kemudahan buat golongan kurang upaya mendalami bidang seni – ditugaskan menyiapkan lukisan digital.

Lukisan gabungan cat minyak, akrilik dan teknologi digital itu dihasilkan sempena ulang tahun ke-50 firma audit, perunding cara dan penasihat khidmat cukai, Deloitte Singapore.

Firma tersebut melancarkan program *Deloitte SG Cares* di mana 30 peratus daripada hasil jualan karyanya itu disalurkan kepada VSA.

Baki 70 peratus pula disumbangkan kepada Encik Muhammad Noh.

Bagi membantunya membangun minat seni, Deloitte menaja tablet iPad Pro dan pena Apple bagi membolehkannya melukis tanpa menggunakan komputer.

Inilah antara projek kemasyarakatan lebih meluas yang dijalankan Deloitte dalam menyokong belia kurang upaya dan membantu mereka menyesuaikan diri dengan masyarakat aliran utama menerusi kerja seni.

Lukisan yang dihasilkannya bertemakan

bayangan tentang Singapura, kota canggih dalam 50 tahun mendatang.

Ketika dihubungi *Gah!* menerusi e-mel, Encik Muhammad Noh berkata:

“Saya yakin pendidikan dan latihan berterusan akan membantu saya menajamkan kemahiran dalam bidang animasi.

“Saya tidak menjadikan autisme sebagai halangan memburu cita-cita saya. Saya rebut peluang ke politeknik selepas belajar di ITE kerana ia menawarkan kursus reka bentuk yang baik di mana saya pelajari prinsip asas seni dan reka bentuk.”

Selebihnya, beliau juga menghadiri sesi ‘masterclass’ (kursus dengan pakar animasi), menonton video penstriman langsung dan bersempang bersama pelukis profesional bagi menambah kemahiran dan pengetahuannya.

Ditanya mengenai lukisan menghijau yang dihasilkan tentang Kota Singa futuristik itu, beliau berkata:

“Lukisan saya menceritakan tentang Kota Singa di masa akan datang. Sekilas pandang, lukisan ini kelihatan seperti pemandangan kota secara umum dengan palitan warna hijau dan biru.

“Saya menggunakan warna sebegini sebab ia merupakan warna asas di muka bumi. Saya malah bayangkan Singapura sebagai kota yang suatu hari nanti akan mengamalkan huraian mesra alam seperti menanam lebih banyak pokok, menggunakan tenaga solar dan mengurangkan pencemaran udara dan barang buangan.

“Apa jua kesuraman kota ini diharap dapat digantikan dengan kehijauan yang lebih menenangkan.”

Tugas harian Encik Muhammad Noh sebagai pelakar ilustrasi memerlukannya menghasilkan lukisan prapenerbitan bagi juruanimasi. Beliau mencorak ciri-ciri watak dan latar belakang yang diperlukan serta menghasilkan papan cerita dan bingkai gaya visual.

“Bagi saya, autisme bukan sesuatu yang harus dijadikan batu penghalang. Yang penting, anda ada rasa tanggungjawab, pilih bidang kerjaya yang menjadi kekuatan anda dan nikmati kehidupan seperti orang lain,” pesannya kepada belia autistik lain.